

10 MAR 1999

Sabah-Salleh

BEKAS KETUA MENTERI CUBA PIKAT PENGUNDI DI KAWASAN BAJAU

Oleh: Azman Ujang

KOTA BELUD, 10 Mac (Bernama) -- Sesiapa yang memandu di Lebu Raya Tuaran-Kota Belud yang baru siap dan berharap untuk melihat penunggang kuda dari suku kaum Bajau dengan pakaian tradisional berwarna-warni membawa bendera parti-parti politik pada pilihan raya kali ini, tentu akan kecewa.

Jika mereka kelihatan, ia menawarkan sudut cukup cantik untuk sekumpulan jurukamera dan wartawan mengambil gambar ketika singgah di bandar yang masyur dengan penunggang kuda Bajau yang dikenali sebagai "Koboi Timur".

"Maaf, anda tidak dapat melihat penunggang kuda Bajau setiap hari. Jika mahu, ia boleh diatur," kata Teddy Chin, pembantu kepada bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Salleh Said, calon Barisan Nasional (BN) yang akan mempertahankan kerusi Usukan pada pilihan raya negeri Jumaat dan Sabtu ini.

Salleh, 42, ditentang oleh calon dari Parti Bersatu Sabah (PBS) Saidil Simoy dan Mudry Nasir (Bersekutu) dalam pertarungan yang menurut kebanyakan pihak tidak sukar bagi BN untuk mempertahankannya.

Usukan memang tidak dapat dipisahkan dengan tokoh-tokoh yang dihormati seperti Tun Datu Mustapha Harun iaitu Bapa Kemerdekaan Sabah, bapa Salleh iaitu Tun Mohd Said dan anak Tun Mustapha, Datu Hamid kerana mereka pernah mewakili kawasan itu.

Mustapha dan Mohd Said juga pernah menjadi Ketua Menteri dan Yang Dipertua Negeri.

Bajaus, yang pada asalnya Melayu Sabah, meliputi sebahagian besar daripada penduduk di kawasan ini diikuti oleh masyarakat Suluk, Iranun dan Kadazandusun.

Selain penunggang kuda Bajau dan pasar tamu, Kota Belud juga boleh bermegah, dengan lebuh raya baru berharga RM170 juta yang memendekkan masa perjalanan dari Kota Kinabalu kepada hanya 45 minit.

Jika mengikut jalan lama yang bengkok-bengkok sepanjang 46km, ia mengambil masa dua jam.

"Tanpa Salleh sebagai ketua menteri, penduduk Kota Belud jangan harap dapat bermimpi untuk mempunyai lebuh raya secantik itu," kata Awang Samad Salam, yang mengaku sebagai penyokong kuat Salleh.

Samad tidak membesar-besarkan cerita. Jika memandu di sepanjang lebuh raya itu, seseorang dapat merasai keselesaan seperti memandu di Lebu Raya Utara-Selatan di Semenanjung.

Salleh seperti biasa suka merendah diri.

"Memang benar, saya berusaha bagi pembinaan lebuh raya itu tetapi beribu-ribu orang mendapat manfaat daripada lebuh raya itu termasuk pemimpin pembangkang walaupun mereka asyik menafikan bahawa kerajaan BN membawa pembangunan di Sabah," kata Salleh ketika ditemui berkempen di Kampung Kuala Abai, sebuah perkampungan nelayan yang terletak di kawasan Bajau.

Bendera dan poster BN, Salleh dan Perdana Menteri menguasai kawasan itu sehingga pengaruh pembangkang di kawasan itu langsung tidak kelihatan.

Samad dan Haji Saik Besar, kedua-duanya peniaga, berpendapat bahawa BN telah membuat pilihan yang tepat apabila mengekalkan Salleh sebagai calon walaupun ada desas-desas sebelum ini bahawa beliau ialah antara mereka yang mungkin digugurkan.

"Bagi penduduk Usukan, kriteria pertama yang menjadi keatamaan ialah calon. Parti yang beliau mewakili merupakan kriteria kedua. Dalam erti kata yang lain, jika Salleh digugurkan, kami sebagai pengundi tidak dapat

memberi jaminan bahawa BN akan menang," kata Samad.

Saik, yang menganjurkan "ceramah" bagi Salleh di rumahnya memberitahu perjumpaan itu: "Salleh telah menjadi ketua menteri dan kami berbangga. Insyallah, tidak mustahil suatu hari nanti, beliau menjadi perdana menteri. Ia tidak mustahil," kata beliau.

Salleh, yang berasal dari sini ialah graduan sanis politik dari univertsiti di Kanada dan pernah menjadi Pegawai Daerah Kota Belud. Salleh menjadi ketua menteri dari 1994-1996 di bawah sistem penggiliran jawatan.

Pembinaan lebuh raya baru itu jelas telah membawa kemajuan ekonomi yang sebelum ini tidak dinikmati oleh penduduk Kota Belud dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Sekurang-kurangnya dua kawasan perumahan moden dan banglo tumbuh di sepanjang lebuh raya berkenaan dan tidak kurang juga kawasan pertumbuhan kecil.

Upacara pecah tanah projek lebuh raya itu dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa kempen pilihan raya parlimen 1995 dan lebuh raya itu siap tahun lalu.

Di atas kawasan bukit pula, sebuah sekolah menengah agama sedang dalam pembinaan di kawasan seluas lapan hektar milik keluarga Salleh yang disumbangkannya kepada sekolah tahun lalu.

Di bandar Kota Belud sendiri, rumah-rumah kedai semakin muncul sementara Majlis Daerah Kota Belud akan berpindah ke bangunan baru yang lebih moden tidak lama lagi.

Kawasan pilihan raya ini juga meliputi Pelabuhan Usukan yang selama 20 tahun menyediakan kemudahan berlabuh bagi kapal-kapal dari Jepun untuk mengambil bijih tembaga dari Lombong Mamut di Ranau, satu-satunya lombong tembaga di Malaysia, untuk proses peleburan di Jepun.

Projek usahasama Jepun-Malaysia itu dijangka dihentikan tidak lama lagi berikutan simpanan tembaga yang melimpah dan tempat itu akan dijadikan pusat pelancongan.

Menurut Saba Imam Raya, pengawal keselamatan di pelabuhan, pihak pengurusan lombong telah memberi surat pemberhentian kepada para pekerja yang dijangka diberhentikan menjelang Jun.

Semasa pengeluaran mencapai puncaknya, dua buah kapal singgah di pelabuhan itu setiap bulan dengan masing-masing membawa kargo 12,000 tan tetapi sekarang ia sekarang cuma satu penghantaran membabitka 5,000 tan.

Salleh, yang juga berasal dari suku kaum Bajau berkata kempen BN di Usukan memberi penekanan tidak lain daripada isu-isu pembangunan.

"Lebuh raya baru itu cuma permulaan bagi kemudahan yang lebih baik untuk masyarakat Bajau. Lebuh raya seperti itu akan dibina di kawasan lain di Sabah, Sabah, dan saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi peruntukan untuk kemudahan itu," kata beliau.

-- BERNAMA

AU FAZ